

## BAB 3

### PENDEKATAN PENGAJARAN BAHASA MELAYU

Bidang pengajaran bahasa merupakan suatu bidang tugas amali yang kompleks dan multi-disiplin sifatnya. Bidang ini adalah bertujuan mengajar bahasa kepada pelajar-pelajar bagi membolehkan mereka menguasai bahasa tersebut dan membolehkan mereka berkomunikasi dengan orang lain dengan menggunakan bahasa yang dipelajari tadi. Penyelesaian pelbagai masalah dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa sebenarnya berkait rapat dengan pengetahuan tentang disiplin ilmu seperti ilmu linguistik, psikologi dan juga pendidikan (Raminah Hj. Sabran, 1990 : 14).

Sejak kebelakangan ini, cabang-cabang ilmu linguistik telah berkembang dengan pesat sehingga mencakupi pelbagai disiplin dalam bidang psikologi dan sosiologi. Justeru, bidang pengajaran bahasa kini mempunyai hubungan yang amat rapat dengan pelbagai disiplin yang terdapat dalam ilmu linguistik antaranya linguistik teoritis, psikolinguistik dan sosiolinguistik (ibid :14). Namun, kedua-dua bidang berkenaan, iaitu linguistik dan pengajaran bahasa mendominasikan tujuan yang berbeza. Bidang ilmu

linguistik teoritis lebih berbentuk formal dan mujarad dengan tujuan utamanya mengkaji bahasa serta unsur-unsur bahasa yang dikaji, manakala pengajaran bahasa pula adalah lebih bersifat praktis dan fungsional dengan tujuan asasnya untuk membolehkan pelajar-pelajar menguasai bahasa yang dipelajari bagi tujuan berkomunikasi serta menggunakan bahasa tersebut dengan lebih praktis.

Memandangkan pembelajaran bahasa merupakan suatu fenomena penting yang berkait rapat dengan perkembangan dan pertumbuhan akal budi individu, kemampuan berkomunikasi yang praktis serta kemajuan sesuatu kaum, maka kalangan pengajar bahasa atau guru-guru seharusnya menguasai bahan-bahan serta memahami teori-teori dan pendekatan pengajaran dengan baik sebelum mengajar. Sebagai tugas amali, pengajaran bahasa dapat dilaksanakan melalui dua cara; pertama ialah dengan cara mengikuti prosedur yang lengkap tentang cara untuk melaksanakan sesuatu pengajaran ; dan kedua, dengan menggunakan satu set prinsip umum bagi melaksanakan tugas tersebut (ibid : 43). Dalam sejarah perkembangan ilmu linguistik teoritis, terdapat banyak teori bahasa dan pendekatan pengajaran bahasa yang telah dikemukakan.

Teori, kaedah serta pendekatan adalah merupakan elemen-elemen penting dalam pengajaran bahasa. Konsep-konsep tersebut saling berkait rapat antara satu sama lain dengan menjamin penyampaian yang berkesan dalam proses pengajaran bahasa oleh seseorang guru. Selain daripada kemahiran dalam menguasai teori-teori pengajaran dan pembelajaran bahasa, tidak sempurna pengetahuan seseorang guru tanpa mengetahui dan menguasai kaedah serta pendekatan pengajaran yang sesuai yang terbit daripada teori-teori berkenaan dalam menyampaikan sesuatu pengajaran yang dirancangkan.

### **3.1. TEORI-TEORI PEMBELAJARAN BAHASA**

Teori pengajaran dan pembelajaran bahasa merupakan suatu set kesimpulan atau rumusan pendapat yang dikemukakan hasil daripada penyelidikan dan hipotesis yang mendalam mengenai bagaimana sesuatu bahasa itu dipelajari dan dikuasai oleh seseorang. Sesuatu teori yang diamalkan itu menjadi asas yang akan menentukan sesuatu prinsip yang harus dipegang dalam pengajaran bahasa.

Dalam sejarah perkembangan ilmu linguistik yang bersifat teoritis, terdapat banyak teori bahasa yang popular yang telah dikemukakan. Teori-teori ini pula

berbeza-beza antara satu dengan yang lain disebabkan oleh ahli-ahli bahasa yang menganjurkan teori tersebut masing-masing terpengaruh dengan aliran-aliran pemikiran semasa. Umumnya, sejarah perkembangan ilmu linguistik telah memperlihatkan dua teori terkemuka mengenai pemerolehan dan penguasaan bahasa iaitu Teori Behaviorisme dan Teori Mentalis. Berdasarkan kepada kedua-dua teori ini terbitlah beberapa prinsip tertentu di dalam bidang pengajaran bahasa, seterusnya menghasilkan pula beberapa kaedah dan pendekatan yang boleh diterapkan dengan mudah dan berkesan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa (Raminah Hj. Sabran, 1985 : 17). Di samping itu terdapat juga teori lain, antara yang dikenali ialah Teori Interaksi.

### 3.1.1. TEORI BEHAVIORISME

Teori Behaviorisme yang juga dikenali sebagai Teori Mekanisme telah dikemukakan oleh ahli-ahli psikologi seperti Pavlov, Thorndike, Hull dan Skinner. Golongan behavioris berpegang kepada prinsip bahawa pembelajaran adalah satu proses mekanikal yang dibentuk melalui mekanikal tanpa melibatkan aktiviti mental. Mereka cuba menghuraikan pertalian psikologi dan bahasa dengan menggunakan pendekatan yang dapat dialami dan diamati secara langsung atau secara fizikal (Kamaruddin Hj. Husin, 1993 : 13). Teori yang

diasaskan kepada Teori Pelaziman Klasik yang dipelopori oleh Pavlov ini menekankan kepada hubungan antara rangsangan dan tindak balas dalam pembelajaran. Rangsangan dibataskan sebagai perubahan tenaga yang membangkitkan deria penerima. Manakala gerak balas pula adalah aktiviti yang dirujuk kepada sesuatu atau yang dihasilkan oleh rangsangan (Mohd. Daud Hamzah, 1993 : 20).

Kemudiannya Skinner (1957) memperkenalkan Teori Pelaziman Operan yang menegaskan bahawa sesuatu perlakuan yang pada mulanya berlaku secara kebetulan akan diulangi sekiranya perlakuan tersebut diikuti oleh ganjaran. Skinner dalam penciptaan teori pembelajarannya telah membezakan tingkah laku berulang-ulang itu kepada dua bahagian iaitu bahagian yang pertama merupakan tingkah laku pantulan, manakala bahagian yang kedua ialah tingkah laku operan iaitu tingkah laku yang dikeluarkan oleh seseorang tanpa rangsangan yang nyata (Atan Long, 1982 : 362). Perkara yang penting dalam pembelajaran secara pelaziman operan oleh Skinner ini ialah pelaziman di antara sesuatu tingkah laku dengan pengukuhan. Sekiranya tingkah laku itu diikuti oleh pengukuhan yang positif atau perkara yang menyenangkan maka tingkah laku itu akan dilakukan berulang-ulang. Sebaliknya kalau

tingkah laku itu tidak diikuti oleh pengukuhan atau keadaan yang tidak menyenangkan maka tingkah laku itu tidak akan berulang (*ibid* : 364). Dengan demikian, apa juga tingkah laku yang diikuti oleh pengukuhan maka tingkah laku itu akan menjadi lazim atau biasa dan dengan itu proses pembiasaan berlaku.

Dalam proses pembelajaran bahasa, teori pelaziman operan dan juga kaedah pembentukan tingkah laku ini telah digunakan sebagai alat penyampaian pelajaran. Kaedah ini dinamakan kaedah pelajaran terancang. Menerusi kaedah ini, matlamat sesuatu pelajaran itu ditentukan secara objektif dengan menyediakan langkah-langkah kecil secara berperingkat. Tiap-tiap langkah tersebut merupakan satu unit kecil pelajaran yang disediakan berperingkat-peringkat daripada yang paling rendah kemudian beransur-ansur kepada matlamat akhir iaitu peringkat tinggi.

Golongan behavioris berpendapat bahawa bahasa dikuasai oleh seseorang melalui proses rangsangan dan gerak balas. Pendokong teori ini, Thorndike berpendapat pelaziman terhadap rangsangan yang menghasilkan pembelajaran dan penyelesaian masalah berlaku melalui gerak balas alatan (instrumental conditioning) yang berbentuk cuba jaya (Mohd. Daud

Hamzah, op.cit., 21). Justeru, semua bentuk pembelajaran baik di kalangan manusia maupun haiwan, berlaku proses cuba jaya atau yang kemudian disebut sebagai belajar dengan cara memilih serta mengaitkan rangsangan dan gerak balas (Kamaruddin Hj. Husin, op. cit. : 4).

Watson (1924) pula berpendapat, semua tingkah laku manusia ini merupakan gerak balas terlazim yang berlaku melalui proses pelaziman klasik. Semua gerak balas yang ada pada kita bukannya wujud sejak kita dilahirkan tetapi terhasil daripada proses pembelajaran yang berlaku secara beransur-ansur atau berulang-ulang. Oleh itu, teori ini menekankan bahawa lisan mestilah diutamakan di dalam pengajaran bahasa dan dijadikan sebagai prinsip pengajaran.

Selain daripada itu, aliran behaviorisme juga menganggap pembelajaran bahasa merupakan proses penguasaan hasil daripada kebiasaan yang diperolehi dengan melakukan aktiviti yang hendak dikuasai itu secara berulang-ulang (ibid : 5). Bagi mereka, proses pembelajaran adalah semata-mata hasil daripada rangsangan dan gerak balas yang berulang-ulang dan pengulangan itu dapat didorong oleh ganjaran yang

diberikan secara semerta kepada setiap gerak balas yang dilakukan.

Dengan kata lain, bagi golongan behavioris, sesuatu ujaran itu adalah terbit daripada gerak balas terhadap sesuatu rangsangan, baik rangsangan yang berupa bahasa maupun bukan bahasa. Sebagai contoh, seseorang itu akan bertutur apabila ada pertanyaan yang dikemukakan kepadanya (sebagai rangsangan bahasa) ataupun ia akan mengucapkan sesuatu sebagai reaksi untuk memenuhi keperluan-keperluan biologisnya seperti keinginannya untuk tidur, makan dan sebagainya (rangsangan bukan bahasa). Bagi mempercepatkan pembelajaran, rangsangan mestilah diwujudkan kerana rangsangan akan mencetuskan gerak balas. Gerak balas itu pula mestilah diberi ganjaran untuk diperteguhkan supaya timbul minat pelajar untuk mengulangi apa yang dipelajarinya dan apabila berlaku pengulangan maka akan terbentuk kebiasaan. Dengan demikian dapat dikatakan bahawa proses pembelajaran telah berjalan dengan lancar (Raminah Hj. Sabran, 1987 : 86).

Golongan behavioris menganggap bahasa adalah satu set kebiasaan yang diserap ke dalam sistem saraf penutur ibunda. Teori yang dipegang oleh golongan behavioris ini telah mengilhamkan beberapa prinsip

penting dalam pengajaran bahasa. Di antara prinsip-prinsip tersebut (ibid : 87) ialah:-

i) **Bentuk bahasa yang diutamakan ialah lisan**

Prinsip ini bersesuaian dengan proses pemerolehan bahasa ibunda. Bagi golongan ini, bentuk bahasa yang lebih penting ialah lisan; tulisan adalah bentuk bahasa yang kedua pentingnya. Dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa, guru haruslah memastikan murid-murid boleh bertutur dalam bahasa yang dipelajarinya itu terlebih dahulu sebelum ia mengajar kemahiran bacaan dan tulisan.

ii) **Latih tubi mestilah ditekankan untuk membentuk kelaziman atau kebiasaan**

Latih tubi bertujuan untuk menggalakkan pengulangan yang perlu bagi membentuk biasaan. Bagi golongan behavioris, pengulangan adalah penting kerana pembelajaran adalah satu proses mekanis yang tidak memerlukan daya mental, sama keadaannya dengan penguasaan kemahiran-kemahiran fizikal yang lain seperti kemahiran berjalan, memandu, menari dan lain-lain.

- iii) Rangsangan mestalah diwujudkan untuk mendapatkan gerak balas daripada pelajar

Prinsip ini ditekankan kerana bagi golongan behavioris, bahasa itu dituturkan apabila ada rangsangan, baik rangsangan bahasa maupun rangsangan bukan bahasa. Satu daripada langkah untuk menimbulkan gerak balas ialah dengan menggunakan alat bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran.

- iv) Gerak balas yang diberikan oleh pelajar haruslah diikuti dengan peneguhan

Bagi golongan behavioris, peneguhan adalah penting untuk menggalakkan pengulangan gerak balas daripada pelajar supaya pembelajaran mereka menjadi kukuh dan berkesan. Prinsip ini telah diilhamkan oleh Skinner sewaktu beliau menjalankan percubaan terhadap seekor merpati yang dikurung di dalam kotak.

Berdasarkan kepada teori dan prinsip yang dikemukakan tersebut, Teori Behavioris ini telah memperkenalkan beberapa kaedah dan pendekatan yang sesuai dalam pengajaran bahasa, antaranya Kaedah

Dengar Sebut (Audio-Lingual), Kaedah Langsung (Terus) dan Kaedah Psikologi (ibid).

### 3.1.2. TEORI MENTALIS

Dalam pengajaran bahasa, Teori Mentalis mula diperkenalkan oleh ahli-ahli psikologi seperti Noam Chomsky, Robin Lakoff, George Miller, Slobin, Lenneberg dan Jean Piaget. Teori ini mengatakan bahawa proses pembelajaran bahasa adalah merupakan suatu proses mental. Golongan mentalis berpendapat bahawa manusia sejak lahir sudah mempunyai kebolehan semula jadi untuk menguasai bahasa. Kebolehan ini dinamakan Jentera Penguasaan Bahasa (Raminah Hj. Sabran, 1985 : 21). Mental kanak-kanak menurut mereka dikatakan mempunyai keupayaan untuk menganalisis, membuat hipotesis serta merumuskan peraturan-peraturan bahasa yang didedahkan kepada mereka. Seterusnya penganut teori ini mengutamakan proses-proses dalaman yang berlaku di dalam fikiran manusia. Mereka menekankan perkara-perkara seperti penyelesaian masalah, celik akal dan mereka berminat sekali terhadap pengetahuan, makna, niat, perasaan, kreativiti, jangkaan dan pemikiran (Amir Awang, 1986 : 10).


Ahli psikologi terkemuka yang mendokong teori Mentalis, Piaget berpendapat bahwa tingkah

perkembangan mental seseorang dapat dibahagikan kepada empat peringkat iaitu peringkat motor-deria, pemikiran prakendalian (pre-operational thinking), pemikiran kendalian konkrit (concrete operational thinking) dan peringkat pemikiran formal (formal thinking). Beliau berpendapat, manusia mempunyai keupayaan mental yang tinggi yang membolehkannya mempelajari berbagai-bagai perkara. Proses pembelajaran adalah proses mental dan bukannya proses mekanikal. Proses ini melibatkan pelajar menggunakan pengetahuan yang sedia ada dalam otaknya untuk menganalisis data-data yang telah didedahkan kepadanya atau yang ada di persekitarannya. Seseorang itu semakin matang dan boleh mempelajari sesuatu konsep yang abstrak dengan lebih mudah apabila sudah mencapai peringkat yang lebih tinggi dalam perkembangan kognitifnya (Raminah Hj. Sabran, 1987:88).

Berhubung dengan perkara yang sama, Chomsky (1957) berpendapat bahawa, dalam penguasaan bahasa, seseorang itu mempunyai kecekapan dan prestasi (competence and performance). Kecekapan adalah rumus-rumus atau undang-undang yang ada dalam stok mental seseorang sementara prestasi adalah aspek penggunaan bahasa itu iaitu aspek praktik terhadap apa yang diketahui mengenai bahasa. Menerusi Skema Laku-Ucap,

Chomsky berpendapat bahawa yang ada dalam stok mental seseorang ialah kecekapan (competence) atau pengetahuan. Ia menjadi asas untuk melahirkan prestasi di samping untuk menginterpretasi dan menganalisis prestasi orang lain atau prestasi sendiri dan daya penglahiran prestasi ini bergantung kepada daya kecekapan atau pengetahuan. Dengan demikian, dalam pengajaran bahasa, penekanan diberi bukan sahaja semata-mata kepada prestasi pelajaran tetapi juga kepada kecekapan seseorang.

Gambar Rajah 1 : Skema Laku-Ucap oleh Chomsky



Selain itu, Chomsky percaya bahawa penutur yang telah menguasai bahasanya juga telah mempelajari atau mempunyai pengetahuan tentang set rumus yang berturutan dan pengetahuan seperti ini membolehkan mereka membuat penjelasan terhadap keupayaan asas penutur (Steinberg, 1982 : 18).

Menurut golongan ini juga, pembelajaran dapat dianggap sebagai proses penyelesaian masalah. Apabila pelajar-pelajar didedahkan kepada data-data bahasa, maka mereka akan mencipta peta kognitif (cognitif map) dalam pemikiran mereka sebagai langkah menjadikan data itu bermakna. Mereka akan membina hipotesis dan mencuba hipotesis itu dengan membentuk ayat-ayat baru. Guru berperanan sebagai pakar rujuk bagi memperakukan sama ada pembentukan dan percubaan hipotesis mereka itu betul atau salah (Raminah Hj. Sabran, 1985 : 24).

Sebagaimana teori behavioris, teori mentalis ini juga ada kepentingannya kepada pengajaran bahasa. Teori ini merealisasikan beberapa prinsip dalam pengajaran bahasa. Raminah (1987 : 89) menyenaraikannya seperti berikut:-

- i) Pengajaran haruslah mengutamakan kebolehan mental kanak-kanak

Daya mental semula jadi kanak-kanak perlulah dipergunakan dengan menekankan pengajaran kepada aktiviti 'penyelesaian masalah'. Mereka perlu dihadapkan kepada berbagai-bagai data bahasa untuk memberi peluang kepada mereka untuk mencipta hipotesis-hipotesis (berdasarkan data-data tersebut). Latihan-latihan yang berpusat kepada struktur bahasa yang menjadi masalah akan menghasilkan kesan yang lebih baik.

Sehubungan dengan ini, oleh kerana kanak-kanak dikatakan mempunyai kebolehan semula jadi untuk menguasai bahasa iaitu mereka boleh menciptakan ayat-ayat baru yang belum pernah mereka dengar atau tuturkan, maka golongan mentalis berpendapat bahawa pengajaran bahasa haruslah cuba mencungkil, menggalakkan dan memperkembangkan kreativiti pelajar dalam penggunaan bahasa.

- ii) Struktur haruslah diajar secara formal

Prinsip ini sebenarnya ada kaitan dengan prinsip di atas, di samping bertujuan untuk

memperkayakan kecekapan agar tahap prestasi pelajar dapat dipertingkatkan. Golongan ini beranggapan bahawa hanya dengan mempunyai pengetahuan mengenai struktur bahasa sahaja seseorang itu berupaya membentuk ayat-ayat yang gramatis. Rumus-rumus yang diajar mestilah disertai dengan huraianya sekali dan diikuti pula dengan contoh-contoh.

iii) **Aspek bahasa yang diutamakan dalam pengajaran ialah sintaksis dan morfologi**

Prinsip ini ada hubungannya dengan prinsip (i) dan (ii) di atas iaitu bertujuan untuk memenuhi hakikat bahawa pembelajaran bahasa adalah suatu proses mental yang memerlukan rumus-rumus sebagai panduan. Oleh yang demikian, kemahiran yang ditekankan ialah kemahiran membaca dan menulis.

iv) **Kesilapan-kesilapan bahasa yang umum dilakukan oleh pelajar-pelajar pada satu-satu peringkat kematangan haruslah diambil kira dalam pemilihan dan penyusunan bahan pengajaran**

Prinsip ini ada kaitannya dengan pendapat golongan mentalis yang mengatakan bahawa kadar

perkembangan bahasa di kalangan kanak-kanak adalah lebih kurang sama pada peringkat kematangan yang sebaya. Begitu juga dengan jenis-jenis kesilapan yang mereka lakukan.

Prinsip-prinsip pengajaran bahasa yang disarankan oleh teori mentalis ini telah dipraktikkan oleh guru-guru bahasa yang menganuti teori Transformasi Generatif dalam penguraian bahasa yang bermula pada tahun 60-an sebagai tentangan mereka terhadap teori behavioris yang muncul sebelum itu.

### **3.2. KAEDAH PENGAJARAN BAHASA**

Selain daripada memahami teori-teori pengajaran bahasa, pengetahuan serta penggunaan kaedah dan pendekatan yang sesuai dan sistematik adalah penting dalam bidang pengajaran bahasa.

Kaedah adalah merujuk kepada suatu set siri tindakan guru yang sistematik dengan tujuan untuk mencapai objektif pembelajaran tertentu dalam jangka masa yang pendek (Kamaruddin Hj. Husin, 1983 : 26; Ee Ah Meng, 1990 : 9). Ia merupakan suatu cara bagaimana mendekati sesuatu objek pembelajaran menerusi pelaksanaan dan pencapaian yang menggunakan

langkah-langkah yang telah disusun dengan teliti dan teratur.

Menurut Edward M. Anthony (1963), kaedah adalah merujuk kepada satu ikhtiar keseluruhan, terbentuk dalam satu set prosedur yang tersusun berlandaskan suatu pendekatan yang dipilih. Kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran sebenarnya terbit daripada teori-teori dan prinsip pembelajaran yang telah dibincangkan sebelum ini. Umpamanya, teori behavioris yang berpendapat penguasaan bahasa melalui proses rangsangan dan gerak balas menghasilkan beberapa kaedah seperti Kaedah Dengar-Sebut (Audio-Lingual), Kaedah Langsung (Terus) dan Kaedah Psikologi. Manakala teori mentalis yang berpegang kepada prinsip pengajaran yang menekankan proses mental menerbitkan kaedahnya yang tersendiri seperti Kaedah Nahu, Kaedah Terjemahan serta Kaedah Nahu Terjemahan.

Dengan itu, kaedah adalah berhubungan dengan cara-cara bagaimana pengajaran sesuatu bahasa itu dijalankan, yang dicipta dan dirangka berasaskan kepada sesuatu teori yang berkaitan dengan pembelajaran dan penguasaan bahasa (Raminah Hj, Sabran, 1985 : 29).

Pada umumnya, kaedah pengajaran bahasa terbahagi kepada dua golongan iaitu pertama, Kaedah Tradisional seperti Kaedah Terjemahan dan Kaedah Nahu; dan kedua ialah Kaedah Bukan Tradisional seperti Kaedah Langsung (Terus) dan Kaedah Psikologi.

### 3.2.1. Kaedah Nahu

Kaedah ini mengutamakan pengajaran secara formal bersekali dengan kumpulan-kumpulan perkataan. Kumpulan-kumpulan perkataan tersebut kemudiannya akan disusun mengikut peraturan-peraturan tatabahasa yang telah diajar. Kaedah ini sebenarnya lebih merupakan latihan menerapkan apa yang telah dipelajari. Pengetahuan dan kemahiran nahu (tatabahasa) adalah lebih dipentingkan berbanding dengan pengajaran sebutan atau lisan yang tidak diutamakan.

### 3.2.2. Kaedah Nahu Terjemahan

Kaedah ini terhasil daripada huraihan ahli-ahli tatabahasa tradisional dan dikenali juga sebagai kaedah klasik. Malahan kaedah ini merupakan kaedah yang terawal digunakan dalam pengajaran bahasa. Kaedah Nahu Terjemahan ini lebih mengutamakan kemahiran penulisan daripada lisan atau pertuturan. Oleh itu, unsur-unsur sebutan tidak dipentingkan. Pengajaran

bahasa menggunakan kaedah ini selalunya menekankan latihan untuk mengkaji dan menghuraikan bahasa, dan unsur-unsur bahasa yang dikaji itu merupakan komponen ayat yang terpisah daripada konteks penggunaannya. Selain daripada itu, pelajar-pelajar juga dilatih untuk menguasai peraturan-peraturan atau unsur-unsur bahasa supaya peraturan-peraturan tersebut dapat digunakan dalam terjemahan (Abdullah Hassan, 1983 : 274; Raminah Hj. Sabran, 1990 : 54).

Dalam proses pengajaran, pelajar dilengkapkan dengan satu senarai perbendaharaan yang terasing daripada konteks pemakaianya yang perlu dikuasai. Untuk memahami makna perbendaharaan kata tersebut, terjemahan makna akan diberikan. Di samping itu, pelajar juga dilatih untuk membentuk ayat berdasarkan rumus-rumus nahu yang telah dipelajari. Aktiviti membaca merupakan asas untuk mencerakinkan nahu serta menterjemahkan bahasa daripada bahasa sasaran ke bahasa ibunda atau sebaliknya. Kaedah ini lebih banyak bergantung kepada penggunaan bahan pengajaran yang didapati daripada buku teks.

### **3.2.3. Kaedah Langsung**

Kaedah Langsung atau dikenali juga dengan Kaedah Terus diasaskan kepada teori behavioris yang

beranggapan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa sebagai suatu proses mekanikal. Kaedah ini menekankan kepada pengajaran bahasa kedua dan asing secara terus melalui penggunaan bahasa sasaran semata berdasarkan cara mana seseorang itu menguasai bahasa pertama di dalam keadaan natural atau semula jadi.

Pelopor kaedah ini beranggapan bahawa pelajar-pelajar dapat mempelajari bahasa dengan cara mendengar dan meneliti pelbagai perbualan dalam bahasa sasaran dan kemudiannya menggunakan dan melibatkan diri dalam aktiviti tersebut. Mereka berpendapat, asas pengajaran menerusi kaedah ini adalah selari seperti mana kanak-kanak mempelajari bahasa ibunda iaitu menerusi cara mendengar, meniru serta mengulangi perlakuan bahasa yang mereka dengari sehingga membentuk satu kelaziman bahasa. Tegasnya bahasa sasaran dipelajari, digunakan secara terus dan menyeluruh supaya tercapai matlamat utamanya iaitu membolehkan pelajar-pelajar berfikir dalam bahasa sasaran sama ada dalam aktiviti lisan, bacaan maupun penulisan.

Pengajaran bahasa menerusi Kaedah Langsung ini lebih mengutamakan kemahiran lisan, di mana ia sering mendahului pengajaran bacaan dan penulisan, manakala nahu tidak diajar secara langsung sebaliknya hanya

diajar melalui situasi atau menerusi tunjuk cara serta contoh-contoh yang diberikan. Penggunaan latih tubi pendengaran amat ditekankan untuk membentuk kebiasaan serta memastikan pelajar-pelajar menyerapkan peraturan-peraturan nahu yang terdapat pada pola-pola ayat dalam perbualan tersebut.

### **3.3. PENDEKATAN PENGAJARAN BAHASA**

Pendekatan pengajaran bahasa merupakan orientasi atau pegangan ilmu linguistik dan psikologi yang dapat digunakan oleh seseorang guru bagi melaksanakan serta menyelesaikan masalah pengajaran bahasa khususnya berkaitan dengan masalah apa yang hendak diajar dan bagaimana cara mengajar bahasa (Raminah, 1990 : 43). Dengan kata lain, istilah pendekatan dalam pengajaran bahasa adalah merujuk kepada satu kumpulan prinsip yang berkaitan dengan bahasa, pengajaran bahasa dan pembelajaran bahasa tersebut. Jadi, sesuatu pendekatan itu akan berlandaskan teori bahasa, teori pengajaran bahasa dan teori pembelajaran bahasa tersebut (Abdullah Hassan, 1989 : 105).

Dalam bidang pengajaran bahasa terdapat beberapa pendekatan pengajaran bahasa yang sering digunakan, antaranya ialah Pendekatan Deduktif, Pendekatan


Induktif, Pendekatan Eklektik, Pendekatan Komunikatif dan Pendekatan Suggestopedia.

### **3.3.1. Pendekatan Deduktif**

Pendekatan pengajaran ini mengutamakan penguasaan rumus-rumus atau peraturan-peraturan bahasa sebelum mencapai penggunaan bahasa. Brian Scaton (1982:44) menjelaskan, pembelajaran menerusi pendekatan ini akan mendahuluikan peraturan-peraturan umum atau generalisasi, kemudian bergerak kepada contoh-contoh atau kaedah penggunaannya. Ini bermakna, pengajaran dimulakan dengan guru memperkenalkan analisis rumusan tatabahasa terlebih dahulu sebelum memberi contoh-contoh menggunakan rumusan-rumusan di dalam pemakaian bahasa. Dari sini, pembelajaran akan diteruskan dengan menganalisis rumus-rumus tadi melalui contoh-contoh atau peraturan-peraturan yang telah diberikan.

Menurut Paul D. Eggen (1979), proses pengajaran berdasarkan pendekatan ini dimulakan dengan memberikan definisi konsep atau generalisasi tentang unsur-unsur bahasa atau tatabahasa yang akan dipelajari. Pengajaran seterusnya akan diikuti dengan ilustrasi dan contoh. Proses pengajaran berdasarkan model

deduktif ini dapat dirumuskan seperti berikut (Eggen, 1979 : 134).



Gambar Rajah 2 : Model Pengajaran Deduktif

Dalam pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan pendekatan ini, pelajar akan menuju ke suatu fakta dengan menggunakan peraturan, formula, maklumat-maklumat tertentu serta generalisasi yang telah diterima terlebih dahulu. Dalam hal ini, sewaktu belajar, pemikiran pelajar akan bergerak daripada peraturan-peraturan yang umum kepada yang khusus.

### **3.3.2. Pendekatan Induktif**

Pendekatan Induktif adalah satu pendekatan pengajaran yang melibatkan satu proses penaakulan yang tinggi. Dalam proses penaakulan ini, pelajar tidak diajar sesuatu bahan pengajaran itu secara langsung. Ini bermakna mereka tidak diberitahu tentang hal-hal yang berkaitan dengan pelajaran tersebut, sebaliknya mereka digalakkan mencari, meneliti dan mempelajarinya sendiri (Kamaruddin Hj. Husin, 1993 : 187). Di samping itu, pendekatan ini mengutamakan contoh-contoh penggunaan bahasa berdasarkan rumus-rumus dan peraturan-peraturan bahasa yang dipelajari.

Menurut John. M. Kierzek (1954 : 173) pengajaran bahasa menerusi pendekatan induktif ini dimulakan dengan sesuatu sebab atau contoh seterusnya menuju kepada generalisasi. Guru-guru akan menyusun dan mengumpulkan contoh-contoh daripada teks, menunjukkan dan menerangkan bagaimana ia bekerja dan berfungsi seterusnya membantu pelajar untuk menghasilkan satu kesimpulan yang sesuai.

Dalam konteks ini, pengajaran dimulakan dengan memberikan contoh penggunaan unsur-unsur bahasa yang diajar sebelum guru menerangkan serta menghuraikan peraturan-peraturan bagi setiap unsur tersebut.


Seterusnya, aktiviti latihan akan diberikan kepada pelajar. Guru-guru tidak digalakkan memberi definisi, menerangkan peraturan atau kandungan keseluruhan pelajaran yang hendak disampaikan. Guru-guru boleh mengemukakan soalan, berbincang, mencari contoh dan sebagainya sebelum membuat generalisasi. Dengan itu, pelajar dapat dibimbing dan dilatih untuk membuat pemerhatian kemudian membentuk generalisasi atau rumusan sendiri. Pelajar-pelajar dijangkakan dapat memahami pola dalam struktur bahasa tersebut untuk menghasilkan ungkapan-ungkapan dan peraturan lain.

Brian Seaton (1982 : 78) pula berpendapat, pembelajaran menerusi kaedah induksi, pelajar-pelajar akan mengalami satu proses mental yakni melaluinya mereka dapat memerhati contoh-contoh tertentu dan kemudian membuat satu peraturan umum (generalisasi) yang berkaitan dengan kebenaran fakta yang diperhatikan. Setiap generalisasi tersebut adalah diperolehi melalui proses induksi.

Manakala Eggen (1979 : 115) pula menerangkan bahawa pendekatan induktif merupakan strategi pengajaran yang mendahuluikan data sebelum mengemukakan konsep atau generalisasi. Sebelum sesuatu pengajaran menerusi pendekatan ini dilaksanakan, Eggen

menyarankan, guru terlebih dahulu memahami idea keseluruhan pelajaran. Guru kemudian mengemukakan contoh atau ilustrasi yang telah dipilih kepada pelajar, kemudian meminta pelajar membuat sebanyak mungkin rumusan atau membentuk konsep-konsep berdasarkan contoh yang dikemukakan itu (ibid : 120).

Sehubungan dengan ini, Eggen telah memperlihatkan model pengajaran berdasarkan pendekatan induktif sebagaimana yang dapat dirumuskan dalam model berikut (ibid : 121).



Gambar Rajah 3 : Model Pendekatan Induktif

Jelasnya, pendekatan induktif ini menekankan kepada proses-proses pencarian atau penemuan menerusi kegiatan memerhati, mengkaji, menyelidik, menganalisis sesuatu rumus atau aspek pembelajaran di peringkat awal kemudian membentuk kesimpulan umum atau generalisasi berdasarkan data-data yang telah dipelajari itu.

### 3.3.3. Pendekatan Eklektik


Pendekatan Eklektik ialah pendekatan yang menggabungkan ciri-ciri atau unsur-unsur daripada kedua-dua pendekatan yang telah dibincang di atas iaitu pendekatan Deduktif dan Induktif untuk menghasilkan satu strategi pengajaran yang berkesan (Abdullah Hassan, 1989c : 117). Strategi pengajaran berasaskan pendekatan ini dapat dilaksanakan dalam dua keadaan sebagaimana ditunjukkan menerusi model-model berikut:-

Model 1 :



Contoh

Generalisasi

Contoh



Model 2 :



Gambar Rajah 4 : Model Pendekatan Eklektik

(Sumber : Kamaruddin Hj. Husin, 1993 : 199-200)

Menerusi pendekatan ini, guru memulakan pengajaran dengan memberi contoh-contoh mengenai sesuatu rumus atau contoh-contoh ayat, kemudian meminta pelajar mengenal pasti ciri-ciri yang terdapat pada contoh-contoh tersebut. Guru seterusnya membimbang pelajar dengan memberikan huraian mengenai ciri-ciri atau rumusan-rumusan bahasa yang diajar. Selepas itu pelajar diminta mengemukakan contoh-contoh lain yang sesuai (Model 1). Sebaliknya pula, guru-guru boleh juga memulakan pengajaran dengan memberi rumusan tentang bahasa yang diajar, kemudian pelajar dikehendaki memberikan penjelasan mengenai rumusan tersebut berserta dengan contoh-contoh (Model 2).

### 3.3.4. Pendekatan Komunikatif

Pendekatan Komunikatif dalam pengajaran bahasa adalah berasaskan kepada teori yang menganggap bahasa sebagai alat komunikasi (*ibid* : 43). Dengan demikian, ia mengutamakan kecekapan berkomunikasi di kalangan pelajar. Pendekatan komunikatif memberi penekanan kepada keupayaan penutur dalam berkomunikasi dengan melibatkan pengetahuan dan kebolehan berbahasanya. Tegasnya, pengajaran bahasa mestilah merangkumi kecekapan bahasa iaitu mencakupi penguasaan sistem tatabahasa serta kecekapan berkomunikasi.

William Littlewood (1981 : 121) berpendapat, dalam aktiviti-aktiviti komunikatif, para pelajar hendaklah mengaktifkan dan menyepadukan pengetahuan dan kemahiran prakomunikatif supaya dapat digunakan bagi menyampaikan makna. Dalam situasi ini, beliau membahagikan dua subkategori kemahiran iaitu pertama, berdasarkan darjah kepentingan makna-makna sosial dan kedua, fungsian yang terdapat dalam aktiviti komunikatif.

Dalam pendapat lain, Brian Seaton (1982 : 33) menyatakan bahawa terdapat dua aspek penting

ditekankan dalam pembelajaran bahasa menerusi pendekatan ini iaitu pengkayaan (investment) dan tindak balas (reflection). Pada tahap pengkayaan, pelajar berusaha mempertingkatkan keupayaan berkomunikasi serta berusaha mengatasi halangan atau masalah yang dihadapi dalam berkomunikasi. Dari segi tindak balas pula, pelajar-pelajar bersedia dan berkemampuan memberi tindak balas yang berkesan dalam berkomunikasi berdasarkan keupayaan dan pengetahuan yang telah mereka pelajari. Keyakinan pelajar merupakan faktor penting keberkesanan pembelajaran menerusi pendekatan ini.

Dalam pengajaran bahasa, aktiviti yang disarankan adalah bertujuan menggalakkan penguasaan kemahiran belajar seperti menyatakan idea utama, mengkelaskan sesuatu prinsip serta menggambarkan situasi dan konsep yang dipelajari. Pendekatan ini berpeluang menggalakkan pelajar membina sikap kreatif dan berdikari, memupuk kemahiran pelajar, meningkatkan daya intelek serta menerapkan nilai-nilai murni menerusi penglibatan aktif pelajar dalam aktiviti pembelajaran.

Bagi guru-guru pula, pendekatan ini memungkinkan mereka menggunakan pelbagai teknik, aktiviti serta bahan pengajaran yang menarik untuk membantu pelajar menguasai kemahiran tertentu.

Dalam konteks pengajaran bahasa Melayu yang memberikan penekanan kepada kecekapan atau kemahiran berbahasa serta pemahaman tentang sistem bahasa, pendekatan komunikatif adalah amat sesuai untuk dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, pendekatan ini juga membolehkan pelajar menggunakan bahasa tersebut untuk mendapatkan pengetahuan, meningkatkan daya intelek, menguasai kemahiran belajar, kemahiran berinteraksi dan mengamalkan nilai hidup murni.

### 3.3.5. Pendekatan Suggestopedia

Pendekatan Suggestopedia telah diperkenalkan oleh Georgi Lozanov dan merupakan suatu set pembelajaran khusus dan merupakan suatu sains yang menitikberatkan pembelajaran yang berlaku menerusi pengaruh tidak rasional atau tidak disedari atau kedua-duanya, yang kerap terdapat dalam tindak balas perlakuan kita (lihat Brian Seaton, 1982 : 76).

Penekanan utama pendekatan Suggestopedia ialah cadangan. Sebagai suatu sains, pelaksanaan Suggestopedia adalah berasaskan kepada kaedah Suggestologi yang mengutamakan beberapa prinsip asas seperti pengisian maklumat yang diperlukan dan diingati di dalam ingatan atau memori pelajar, mewujudkan persekitaran yang tenang dan selesa, mengurangkan unsur ketegangan, mewujudkan kemantapan dan mengekalkan integrasi pelajar serta aktiviti sentiasa dalam situasi yang menyeronokkan (ibid:166).

Pembelajaran menerusi pendekatan Suggestopedia dianggap sebagai pembelajaran dramatik. Menurut Lozanov, kaedah ini membolehkan pelajar menyimpan ingatan daripada pembelajaran sebanyak dua puluh lima kali ganda daripada kaedah biasa (Kamaruddin Hj. Husin, 1993 :76). Dalam tempoh 24 hari, seseorang pelajar bahasa kedua boleh mempelajari 1,800 patah perkataan, bertutur dengan berasaskan sesuatu rangka nahu dasar dan membaca sebarang teks (Lozanov, 1979).

Lozanov berpendapat, proses pembelajaran bahasa dapat berlaku dengan cepat dan ia dicapai melalui 'hyperamnesia', iaitu suatu kaedah di mana daya ingatan dan keupayaan-keupayaan yang berkaitan dengan

bahasa dapat dipertingkatkan dengan pesat. Keadaan ini diwujudkan melalui persantaian dan peningkatan keyakinan pelajar (Lozanov, 1979; Steinberg, 1982 : 266).

Satu prinsip yang paling nyata bagi pendekatan Suggestopedia ini ialah ia dilaksanakan melalui tumpuan kombinasi penggunaan muzik dan alunan irama serta persantaian semasa proses pembelajaran berlaku. Menerusi pendekatan ini, pengajaran akan melibatkan dialog dan perbendaharaan kata yang dikaji dan dihafal oleh pelajar, dan bahan-bahan pengajaran yang dikemukakan pada mulanya adalah dalam bentuk tulisan, kemudiannya diikuti dengan bentuk lisan (Steinberg, 1982 : 227).

#### **3.4. TEORI LINGUISTIK DAN PENGAJARAN BAHASA**

Pendidikan dan kurikulum merupakan komponen-komponen yang penting bagi menentukan dasar pelajaran sebebuah negara. Dalam konteks pendidikan di Malaysia, aplikasi penelitian dan menemuan linguistik untuk kepentingan pengajaran dan pembelajaran bahasa telah lama diperaktikkan.


Untuk memastikan keberkesanan dalam pengajaran bahasa, salah satu faktor utama yang harus diambil kira ialah guru atau tenaga pengajar mestilah mempunyai pengetahuan tentang matlamat serta objektif pengajaran bahasa Melayu sebagaimana yang telah dirancangkan dalam kurikulum pendidikan bahasa di setiap institusi berkenaan. Kemahiran guru dalam mengamalkan pelbagai pendekatan dan strategi pengajaran menjadi faktor penting untuk memastikan keberkesanan pengajaran bahasa selain daripada menguasai sedikit sebanyak pengetahuan mengenai linguistik terapan.

Peranan linguistik terapan sangat penting dan merupakan teras bagi seseorang guru melaksanakan tugasnya dalam kelas. Ini disebabkan penerapan linguistik terapan mementingkan penggunaan dan pemanfaatan teori serta disiplin ilmu bahasa untuk kepentingan pengajaran dan pembelajaran bahasa. Malah, penerapan linguistik dianggap suatu 'problem based activity'; di mana masalah yang muncul akan dijawab atau diselesaikan oleh prinsip-prinsip atau pengetahuan yang didasarkan kepada telaah ilmiah tentang struktur bahasa dan masyarakat (Goh Ong Seng, 1991 : 207).

Seseorang guru bahasa akan menganalisis bahasa berdasarkan korpus yang diperolehi daripada masyarakat. Deskripsi bahasa atau bahagian bahasa itu merupakan satu proses daripada kegiatan ilmu bahasa dan akan mengesahkan andaian tentang struktur bahasa yang dideskripsikan olehnya. Pendeskripsian bahasa menurut Jos. Daniel Parera (1987) ada dua jenis berdasarkan tujuannya iaitu pedagogi dan teoritis. Bagi mencapai tujuan ini, bidang pengajaran bahasa tidak dapat mengasingkan diri daripada disiplin-disiplin linguistik yang lain terutama disiplin linguistik teoritis, sosiolinguistik dan psikolinguistik. Semua disiplin ini memberi sumbangan yang berguna bagi menjayakan sesuatu program pengajaran dan pembelajaran bahasa (Raminah Hj. Sabran, 1987 : 83).

Hal ini ditegaskan juga oleh H.H. Stern (1992:4) bahawa dalam pendidikan bahasa, cabang-cabang ilmu linguistik, sosiolinguistik, psikolinguistik dan teori-teori pendidikan harus menjadi dasar pendidikan bahasa. Menurut beliau, dalam linguistik pendidikan, pendidik bergelut dengan empat konsep penting iaitu bahasa, pengajaran, pelajaran dan konteks. Situasi

ini dapat dilihat menerusi Model Rangka Konsep Teori Pengajaran Bahasa oleh H.H. Stern seperti di bawah:-




Gambar Rajah 5 : Model Rangka Konsep Teori Pengajaran Bahasa  
(Sumber : Stern, H. H., 1992 : 3)

Model di atas memperlihatkan suatu kitaran atau konsep hubungan antara cabang teori dan ilmu bahasa dengan pendidikan bahasa. Bidang linguistik umpamanya mengajar teori-teori penganalisisan dan pendeskripsian bahasa sebagai suatu objek kajian, komponen-komponen kebahasaan, teknik-teknik serta kaedah-kaedah pendeskripsian bahasa. Psikolinguistik mengemukakan teori-teori tentang bagaimana mempelajari bahasa. Manakala sosiolinguistik pula mengajar bagaimana bahasa diajar secara sebenarnya dan digunakan dalam komunikasi. Bidang ini memperlihatkan bagaimana bahasa itu digunakan dalam masyarakat dan ini akan memberikan gambaran yang menyeluruh mengenai penggunaan bahasa dalam konteks sosial dan budaya masyarakat penuturnya kepada pelajar. Sumbangan bidang ini akan membolehkan pelajar berinteraksi dalam masyarakat dengan menggunakan bentuk dan laras bahasa yang betul dan sesuai pula dalam pelbagai situasi. Bagi guru-guru pula, bidang ini membantu mereka dalam memilih bahan-bahan atau kandungan pengajaran bahasa sesuai dengan fungsi sosial yang didokong oleh sesuatu bahasa itu sebagai alat untuk berkomunikasi.

Dalam hubungan lain, Roulet (1975 : 83) telah memperlihatkan betapa wujudnya hubungan antara

cabang-cabang ilmu linguistik seperti linguistik teoritis, psikolinguistik dan sosiolinguistik dengan bidang pengajaran bahasa. Hubungan ini dapat diperlihatkan menerusi gambar rajah berikut:-



Gambar Rajah 6 : Hubungan Antara Bidang-Bidang Linguistik, Sosiolinguistik dan Psikolinguistik Dengan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa.  
 (Sumber : Eddy Roulet, 1975 : 83)

### 3.5. Rumusan

Berasaskan bidang-bidang ilmu pengetahuan yang menjadi dasar pendidikan bahasa yang telah dibincangkan di atas maka prinsip-prinsip pengajaran dan pembelajaran bahasa akan dapat ditentukan. Di samping itu, metodologi yang sesuai untuk tujuan pengajaran bahasa dapat dipastikan; seperti pendekatan, kaedah, teknik, strategi serta hasil yang ingin dicapai dalam kemahiran bahasa.


Pakar-pakar dalam bidang pengajaran bahasa berpendapat bahawa kejayaan di dalam setiap pengajaran bahasa itu memerlukan kaedah atau metode pengajaran yang tersusun berdasarkan kepada teori-teori linguistik. Oller dan rakan-rakan (1973) telah mengemukakan pendapat bahawa tujuan utama teori linguistik adalah memberikan huraihan dalam deskripsi bahasa sebagai suatu sistem dan juga memberi penjelasan tentang bagaimana penutur bahasa berkomunikasi dengan menggunakan bahasa. Politzer (1972) pula berpendapat bahawa linguistik dan psikologi pendidikan seharusnya merupakan alat-alat yang dapat digunakan oleh guru-guru bahasa untuk membenarkan kaedah-kaedah yang digunakan oleh mereka.

Pandangan tentang betapa pentingnya bidang ilmu linguistik kepada pengajaran bahasa dapat kita fahami daripada kenyataan Lado (1974 : 22) berikut;

*'The relevance of linguistic information and training for the language teacher should be self-evident from the fact that linguistics provides the description of the sounds, words and sentences he must teach and helps him to understand the linguistic problems of his students'*

Deskripsi bahasa yang disumbangkan oleh ahli-ahli linguistik teoritis; teori-teori pembelajaran yang dikemukakan oleh ahli-ahli psikolinguistik serta manifestasi penggunaan bahasa dalam konteks masyarakat yang diperlihatkan oleh ahli-ahli sosiolinguistik akan membantu guru-guru dalam merangka dan menyusun nahu pedagogi yang akan dibawanya dalam situasi pengajaran. Nahu pedagogi yang mengambil kira sumbangan-sumbangan disiplin linguistik yang dinyatakan di atas adalah nahu yang digubal atau disusun bersetujuan dengan kehendak-kehendak pengajaran di bilik darjah (Raminah Hj. Sabran, 1987 : 96). Secara ringkasnya, hubungan antara disiplin-disiplin yang terlibat dalam situasi

pengajaran bahasa dapat dilihat melalui gambar rajah berikut:-



Gambar Rajah 7 : Hubungan Disiplin Ilmu Linguistik  
Dengan Situasi Pengajaran Bahasa.

(Sumber : Raminah Hj. Sabran & Rahim Syam, 1985 : 5)